

BAB

2

PENGURUSAN KESELAMATAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM

Azizan Ramli dan Kamarizan Kidam

2.1 PENGENALAN

Islam telah mengangkat kepentingan menuntut ilmu sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan bertujuan mencari keredhaan-Nya (*mardhatillah*). Kewujudan institusi pendidikan Islam sejak sekian lama telah menunjukkan betapa ajaran Islam amat mementingkan pembangunan masyarakat yang berilmu. Kehadiran institusi pendidikan Islam juga telah merintis jalan memartabatkan ilmu pengetahuan khususnya ilmu yang berkaitan ilmu-ilmu agama, malahan institusi-institusi ini telah wujud lebih awal daripada institusi pendidikan moden. Percambahan institusi pondok bukan sahaja menyediakan wadah pendidikan yang pertama di negara ini malahan seluruh negara-negara lain di Asia Tenggara seperti Indonesia, Thailand, dan Brunei. Penubuhan institusi pendidikan Islam dengan sejarahnya yang lama ini begitu menjadi kebanggaan masyarakat Islam di Asia Tenggara.

Walau bagaimanapun, dalam memastikan pendidikan Islam terus menjadi teras utama dalam pembangunan masyarakat Islam dan negara, kepentingan-kepentingan lain juga menjadi suatu tuntutan yang tidak boleh diabaikan. Sebagai contoh, kepentingan isu keselamatan dan pencegahan kemalangan. Isu keselamatan bukan merupakan isu pilihan dalam membina ekosistem pendidikan terangkum kepada masyarakat

Islam. Beberapa siri kejadian menyayat hati yang melibatkan isu-isu keselamatan di institusi pendidikan Islam, khususnya di sekolah persendirian telah memberikan satu petanda yang menunjukkan isu pengurusan keselamatan perlu diberi perhatian utama.

Peristiwa kebakaran di Sekolah Agama Rakyat Taufiqiah al-Khairiah al-Halimiah (Pondok Pak Ya) pada 1989 yang mengorbankan 27 orang anak-anak syahid masih lagi kekal dalam ingatan seluruh rakyat Malaysia. Peristiwa ini merupakan sejarah hitam yang paling terpahat dalam sejarah negara. Ini disusuli pula dengan terkorbannya 23 syahid dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyyah, Keramat, Kuala Lumpur pada 2017 yang sekali lagi mengejutkan negara. Episod demi episod yang berlaku ini membayangkan bahawa sistem keselamatan di institusi-institusi pendidikan Islam, khususnya institusi yang diselenggara secara perseorangan atau pertubuhan tertentu berada dalam keadaan yang memerlukan perhatian segera. Malahan beberapa kejadian kebakaran di sekolah aliran agama juga masih berlaku (Jadual 2.1) dan ini menguatkan lagi keperluan ini.

Justeru itu, para pentadbir sekolah perlu peka terhadap isu-isu keselamatan dan berusaha ke arah melaksanakan pengurusan keselamatan dengan menyeluruh. Kecaknaan ini bukan sahaja suatu tuntutan malahan kegagalan melaksanakan langkah-langkah yang sepatutnya adalah bertentangan dengan ajaran Islam itu sendiri. Ekosistem pendidikan Islam juga perlu bersifat *taghayyur zaman* (mengikut peredaran zaman) dengan tidak membelakangkan kehendak serta perkembangan semasa. Institusi pendidikan Islam bukan sahaja menitikberatkan soal keilmuan rohani dan jasmani, malahan perlulah diiringi dengan suasana pendidikan yang kondusif serta berdaya saing. Pengukuhan pengurusan keselamatan adalah antara elemen penting yang perlu diintegrasikan dalam membangunkan persekitaran yang kondusif dan selamat.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan agensi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia telah mempunyai punca kuasa perundangan bagi promosi dan penguatkuasaan aspek pengurusan keselamatan melalui Akta Keselamatan

dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994. Fokus akta ini lebih kepada kilang namun pindaan OSHA 2020 dengan jelas memasukkan sektor pendidikan, semua aktiviti ekonomi, dan pekerjaan termasuk pusat tahfiz, sekolah pondok, masjid, dan seumpamanya dalam aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Jadual 2.1 Sebahagian kes-kes kebakaran di institusi pendidikan Islam

Nama Institusi	Ringkasan Kes	Impak
Pondok Darul Iman, Pekan, Pahang	13 Jan. 2017–Kebakaran asrama Pondok Nurul Iman di Kampung Tanjung Batu, Nenasi, Pekan.	Seorang murid tahfiz cedera
Asrama Madrasah Diniah Bakriah Pondok Pasir Tumboh, Kelantan	18 Jun 2016–Asrama yang menempatkan lebih 50 penghuni hangus dalam kebakaran.	Tiada kecederaan atau kematian
Sekolah Agama Al Ummi Tahfiz al-Quran, Labuan	21 Okt. 2015–Kebakaran memusnahkan 70 peratus bangunan sekolah.	Tiada kecederaan atau kematian
Maahad Tahfiz Muhammadiyah, Bukit Rengin, Kuantan	4 Feb. 2014–Sebanyak 17 pelajar tinggal sehelai sepinggang apabila bangunan madrasah dua tingkat yang turut menempatkan asrama mereka musnah dalam kebakaran.	Tiada kecederaan atau kematian
Maahad Tahfiz Al Barakah, Tikam Batu	15 Jun 2013–Kebakaran di asrama Maahad berkenaan.	Seorang pelajar hafiz maut
Sekolah Menengah Agama Nadzah, Bukit Besar, Yan, Kedah	25 Jan. 2012–Sebuah asrama pelajar lelaki hangus dalam kebakaran dipercayai akibat litar pintas. Pada tahun 1996 dan 2005 juga berlaku kebakaran di sekolah yang sama membabitkan sebuah blok asrama pelajar perempuan.	Tiada kecederaan atau kematian
Sekolah Maahad Qiraat al-Azhar Amal Aimy Zdalifah, Alor Setar, Kedah	16 Jan. 2011–Tingkat atas bangunan setinggi dua tingkat musnah dalam kebakaran.	Tiada kecederaan atau kematian